

19 MAY 2003

Mahathir-Dasar/I

TIADA PERUBAHAN SELEPAS SAYA BERUNDUR, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin penggantinya akan terus melaksanakan dasar-dasar yang sama yang selama ini telah memberi manfaat kepada negara walaupun selepas beliau tidak lagi berkhidmat.

Ketika ditanya pada sidang media selepas mempengerusikan dialog pra-bajet 2004 tentang kemungkinan perubahan dasar dan Malaysia "bersekongkol" dengan Amerika Syarikat selepas beliau berundur Oktober ini, Perdana Menteri berkata : "Tidak, saya tidak fikir begitu."

"Saya amat yakin pengganti saya akan meneruskan dasar-dasar yang sama. Tidak ada masalah," katanya.

Ketika ditanya mengenai kejadian pengeboman oleh penganas di Riyadh dan Casablanca, Dr Mahathir berkata Malaysia sedang mengambil segala langkah perlu bagi memastikan perkara seperti itu tidak berlaku di negara ini.

"Tetapi, serangan penganas boleh berlaku di mana-mana jua di dunia ini termasuk di Amerika Syarikat, Britain atau negara-negara lain," katanya.

Kepada soalan tentang tindakan balas oleh Amerika terhadap negara-negara yang menentang pencerobohnya di Iraq, beliau berkata : "Ada kemungkinan mereka yang menolong Amerika akan diberi layanan istimewa dan mereka yang tidak menolong akan dihukum termasuk Perancis, Jerman, Russia dan lain-lain.

"Jadi kita termasuk jugalah dalam golongan ini, tapi saya tak tahulah apa yang dia orang nak buat."

Dr Mahathir berkata Malaysia akan mencari jalan untuk menghadapi segala kemungkinan.

-- BERNAMA

MAM RW AHH MAI